

**Ongkili Janji Jumpa Muhyiddin Bincang Nasib 363 Guru Tidak Terlatih Di Sabah  
Bernama  
24 September , 2011**

KOTA MARUDU, 24 Sept (Bernama) -- Anggota Parlimen Kota Marudu Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berjanji kepada 363 bekas Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di Sabah yang kini menganggur, untuk membawa kes mereka kepada Kementerian Pelajaran.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu berkata beliau bersetuju bahawa pihak berkenaan harus mencari jalan untuk melantik semula dan mengekalkan kesemua bekas guru terbabit dalam sistem.

Selain melantik semula mereka sebagai guru, kesemua guru ini yang merupakan lulusan universiti dan juga pascaijazah boleh diambil menyertai kementerian lain, katanya selepas menemui 50 daripada GSTT terbabit, di sini.

Ongkili juga bersetuju untuk menyerahkan memorandum mengandungi rayuan bekas guru terbabit kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran.

Daripada 557 GSTT di Sabah tahun lepas, hanya 164 dilantik semula tahun ini. Daripada baki 393 orang itu hanya 30 berjaya mencari pekerjaan di tempat lain manakala yang lain masih menganggur.

Mereka adalah antara 3,735 GSTT di seluruh negara yang tidak dilantik semula.

Mengulas lanjut, Ongkili berkata GSTT di Sabah juga mendakwa wujud ketidakseimbangan dalam pelantikan semula itu yang mana kira-kira 70 peratus guru GSTT di Semenanjung dilantik semula berbanding hanya 30 peratus di Sabah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615573>